

» Penduduk Sungai Tengar Utara khuatir berlaku hakisan, banjir

Oleh Mohd Shukor Amin
bhnews@bh.com.my

▀ Sabak Bernam

Penduduk Kampung Sungai Tengar Utara di sini khuatir dilanda bencana berikutan benteng penahan ombak yang baru dibina di situ dua bulan lalu mulai runtuh.

Benteng sepanjang kira-kira 200 meter yang dibina Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menggunakan batang pokok kelapa pula sudah runtuh.

Sebahagian kanvas yang digunakan untuk menutup batang pokok itu pula sudah koyak akibat dipukul ombak disebabkan fenomena air pasang.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Sungai Tengar Utara, Mohd Hairulnizam Samrin, berkata keadaan itu mengundang kerisauan penduduk di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) berhampiran.

Air pasang punca banjir

"Penduduk bimbang jika benteng penahan ombak ini musnah, air dari Sungai Bernam melimpah masuk ke kawasan ini terutama ketika fenomena air pasang besar," katanya kepada BH.

Mohd Hairulnizam berkata, meskipun PPRT Sungai Tengar

Utara yang hanya kira-kira 500 meter dari kawasan pembinaan benteng tidak pernah dinaiki air, namun jika masalah itu tidak ditangani, penduduk bimbang berdepan masalah banjir.

Malah, katanya permukaan jalan tanah merah di kawasan itu juga mengalami mendapan dan rekahan teruk setiap kali berlaku

air pasang.

Pantau punca hakisan

"Jalan ini hanya boleh dilalui motosikal sahaja. Jika tiada jalan penyelesaian diambil, kita bimbang hakisan bertambah buruk," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Air Tawar, Kamarol

Kamarol Zaki (kiri) dan Mohd Hairulnizam (dua dari kanan) menunjukkan benteng penahan ombak yang rosak

(FOTO MOHD SHUKOR MOHD AMIN / BH)



Benteng penahan ombak pecah



SUARA KOMUNITI

Suara Komuniti mengetengahkan masalah rakyat dan akhbar ini akan membantu pembaca mendapatkan maklum balas pihak berwajib. Aduan kehilangan kenalan, keluarga atau ingin mencari saksi juga boleh diajukan ke e-mel suarakomuniti@bh.com.my.

"Jalan ini hanya boleh dilalui motosikal sahaja. Jika tiada jalan penyelesaian diambil, kita bimbang hakisan bertambah buruk"

Mohd Hairulnizam Samrin,
Pengerusi JKKKP
Sungai Tengar Utara

Zaki Abdul Malik, meminta kerajaan negeri dan JPS menyelesaikan masalah berkenaan.

"Kita minta pihak berkenaan memantau penyebab hakisan yang didakwa penduduk berpunca daripada aktiviti meneroka Hutan Sungai Tengar Utara bagi projek penanaman kelapa sawit," katanya.